

03/10/1999

Ghafar mungkin tarik diri

JASIN: Veteran Umno, Tun Ghafar Baba, membayangkan hasratnya untuk tidak bertanding dalam pilihan raya akan datang bagi memberi laluan kepada muka-muka baru.

Menurut Ghafar, beliau juga sudah menulis surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu dan berharap calon lain akan dipilih untuk bertanding bagi kerusi Parlimen Jasin.

Beliau menjelaskan, keputusan itu tidak bermakna beliau berkecil hati terhadap pucuk pimpinan parti sehingga membuat keputusan untuk menamatkan kerjaya politik.

"Walaupun tidak dicalonkan semula, saya akan tetap datang untuk membantu kempen calon Barisan Nasional (BN)," katanya ketika majlis pelancaran jentera pilihan raya Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Panas, malam semalam.

Majlis itu yang dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Ayer Panas, Chong Tam On dan Adun Sungai Rambai, Datuk Abdul Azis Ghani.

Bagaimanapun, Ghafar yang bekas Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau menyerahkan kepada Dr Mahathir untuk membuat keputusan muktamad.

Katanya, jika Dr Mahathir menolak keputusan itu dan mahu beliau terus bertanding, beliau akan akur dengan arahan itu kerana sokongannya yang sentiasa berterusan terhadap Perdana Menteri dan Umno.

Menurut Ghafar, pada 1995, beliau pernah menyuarakan hasratnya untuk tidak bertanding tetapi Dr Mahathir tetap mahukan beliau bertanding bagi kerusi Parlimen Jasin.

"Saya juga tidak menyimpan sebarang perasaan dendam atau kecil hati terhadap kerajaan atau sesetengah pemimpin Umno berikutan kekalahan saya kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 1993.

"Jika saya mempunyai perasaan demikian, sudah tentu saya akan menubuhkan parti lain seperti yang dibuat Anwar sekarang untuk menentang Umno dan kerajaan," katanya.

Menurut Ghafar, perjuangannya hanyalah untuk Umno beliau berjanji akan terus memberi khidmat bakti demi menjamin kestabilan parti dan keamanan negara.

(END)